

KE MANA KITA HENDAK DIBAWA...?

HADIAH M.C.A. BERUDANG DI SEBALIK BATU?

-----*-----*

Persekutuan Cina Malaya (MCA) yang sekarang mengisytiharkan sebagai suatu badan siasah telah memberi kenyataan akan memberi kepada orang-orang Melayu di Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura wang sebanyak \$500,000 untuk “kebajikan” orang-orang Melayu. Berbagai-bagai fikiran orang-orang Melayu telah diberi – banyak yang menyambut dengan berupa gembira. Barangkali kerana memberi sekali imbas pandangan, sedang ada pula yang membantah dan tidak gemar di antaranya Dato’ Onn Jaafar yang telah memberi fikirannya daripada pengalamannya setelah bergaul dengan orang-orang Cina dalam jawatankuasa muhibbah kaum di dalam mana dizahirkannya bahawa orang-orang Cina itu menghendaki hak-hak politik sedang sedang mereka tidak mahu memberi kelonggaran dalam iktiqad bahkan katanya janji-janji yang diberi tetapi tidak dilakukan.

BERHATI-HATI DAN BERCEMAT SANGAT-SANGAT DIKEHENDAKI

Pemberian yang dirancang itu akan dikawal oleh suatu jawatankuasa yang terdiri daripada orang-orang Cina, Melayu dan pihak kerajaan yang di dalamnya terkandung beberapa syarat untuk mentadbirkan kebajikan yang ditujukan kepada cita-cita bantuan setengah milion itu. Bantuan itu tentulah terbitnya di antara dua perkara – yang pertama kerana tujuan politik dan yang kedua dengan ikhlas. Di antara fikiran-fikiran yang patut diterangkan bahawa tujuan politik itu telah hampir kepada pemberian itu dan dengan demikian maka bolehlah dimaknakan pemberian itu berudang di sebalik batu iaitu dengan menanam budi kepada orang-orang Melayu, itulah nanti dapat melebutkan hati orang-orang Melayu daripada membidas atau membangkang memberikan hak-hak mutlaknya kepada anak-anak dagang dengan sedikit pengorbanan terutama kepada Persekutuan Cina Malaya yang telah rasmi memaklumkan bahawa persekutuan itu ialah sebuah persekutuan politik di negeri ini – sekalipun hak-haknya belum lagi diiktiraf oleh kerajaan dengan rasmi – yang bermakna bahawa tuntutan persamaan hak di dalam

Oleh
Edrus

negeri ini telah pun dikemukakan sedang kedudukan mereka sebagai putera Malaya belum lagi sempurna dan dapat ditentukan.

Tidak dapat dinafikan bahawa dengan kedudukan-kedudukannya yang demikian itu, penganjurnya Dato Tun Cheng Lock yang telah menulis sesuatu memorandum kepada kerajaan British tahun 1943 di India (sebahagian daripada kandungannya telah tersiar dalam buku amaran) itu memandang bahawa tidak ada suatu jalan yang utama selain daripada mempengaruhi perasaan dan hati orang-orang Melayu dengan bekerjasama dan salah satu daripada jalan-jalan itu, menurut pandangan saya, ialah memberikan bantuan kepada orang-orang Melayu sebagai gula-gula atau dengan ringkas menanam budi kepada mereka. Memberi tebu kepada orang-orang Melayu dengan kebajikan yang kemudian nanti, dalam sekejap mata manisnya hilang sedang hampasnya sahaja yang tinggal dalam masa itu, kerana manisnya tebu tadi, maka apa yang ada pada kita, kita serahkan kepada mereka dan kita akan terkapur.

Cara pemberian yang sedemikian ini adalah sangat patut dihalusi dan diselediki. Kita patut memerhati peringatan Dato’ Onn yang menyatakan bahawa pemberian bantuan yang seumpama ini

telah pun disebut-sebut dalam masa masih ada jawatankuasa perhubungan muhibbah kaum lagi. Dalam jawatankuasa itu orang-orang Cina menuntut hak politik dalam negeri ini tetapi tidak pula hendak mengorbankan walau sedikit pun kekuasaan iktisadnya; dan setelah bertolak ansur maka tujuan-tujuan yang tersebut tidak didapat kerana orang-orang Cina berkeras.

Harus setelah memandang bahawa orang-orang Melayu berpecah dan setelah melihat dari semasa ke semasa orang-orang Melayu bertambah papa dan miskin dan telah hampir kepada peringkat meminta-minta atau meminta sedekah maka mereka berpendapat itulah masanya yang semolek-moleknya memberi "bantuan" kepada orang-orang Melayu dengan harapan bahawa dengan baik budi mereka itu orang-orang Melayu akan mengiktiraf tuntutan politik mereka kemudian hari sedang masih menjadi satu tanda tanya yang besar, sekiranya telah dipersetujui hak kerakyatan yang telah diuar-uarkan sekarang mereka itu adakah sebenarnya orang-orang yang diakui berhak mengikut kerakyatan itu? Jawabnya terpulang kepada masing-masing perhatian kita.

Katakanlah bahawa pemberian itu secara ikhlas maka adalah menjadi satu tanda tanya pula iaitu kenakah pada tempatnya pemberian itu dengan kedudukan untuk memperbaiki keadaan orang-orang Melayu? Adakah ia ubat kepada penyakit yang dihidap oleh orang-orang Melayu?

Kita mesti memandang katalah orang-orang Melayu itu telah menjadi orang peminta sedekah yang berhajat kepada sepuluh sen atau dua puluh sen. Dengan sedar pemberian sepuluh sen atau dua puluh sen itu tidaklah bermakna membantu – ia hanya sebagai suatu pemberian jua – sedang kedudukannya tidak diperiksa mengapa ia telah menjadi peminta sedekah. Jika memberi pertolongan hendaklah diselidiki terhadap orang-orang Melayu itu sudah terang penyakitnya itu ialah untuk kebajikan dan kerana itulah menurut pendapat saya penyakit tak kena ubat.

Iktisad orang-orang Melayu telah lumpuh dengan kerana tindihan anak-anak dagang atau dengan terangnya himpitan dan desakan mereka itu kerana dasar kerajaan membukakan pintu

Semenanjung Tanah Melayu dengan seluas-luasnya kepada anak dagang dengan keadaan seperti pokok nanalu hidup subur di atasnya sedang pokok asalnya hidup kering hampir mati dan dalam masa tenat itulah pula mereka diberi air, dan dalam masa air diberi mereka seolah-olah ditanya berilah wasiat supaya mereka bersama-sama berhak atau duduk sama rendah berdiri sama tinggi.

Inilah dia perhatian yang patut kita perhati. Kita mesti beringat tatkala menerima pemberian itu. Sebenarnya kita berhajat kepada bantuan tetapi di dalam bantuan itu janganlah sebagai gula-gula kepada kita untuk memikat kita. Kita mesti memandang bahawa orang yang memberi bantuan itu telah pun berapa kali membuat berbagai-bagai cara dan jalan untuk memesongkan haluan-haluan kita supaya terceburlah atau supaya terikut kepada suatu yang dikehendaki oleh mereka. Kita mesti memandang bahawa sekalipun umpamanya pemberian itu dengan secara ikhlas tetapi pemberian itu bukanlah ubat yang sesuai kepada penyakit kita iaitu penyakit iktisad yang telah menjadikan kita merana, penyakit kelemahan dalam pelajaran yang menjadikan kita tertinggal di dalam mana berzaman-zaman lamanya anak-anak kita duduk disekolah ditaja mengikut acuan orang lain untuk sesuatu tujuan orang lain yang mungkin jiwa anak-anak kita yang sentiasa mengabdikan diri atau sentiasa tunduk kepada orang lain yang dalam masa besarnya mereka itu tidak tahu berdiri atas kakinya sendiri, tidak mempercayai kebolehan dirinya dan tidak percaya kepada tenaganya pada hal kejadian mereka itu dengan kita sama tulang empat kerat juga. Mudah-mudahan orang kita tidak akan diceburkan lagi oleh penganjur-penganjur kita dengan gelap mata melihat setengah milion dihidangkan di hadapan mata kita, kononnya bagi permulaan dan di sebalik itu, di sana sini mereka menaburkan "hadiah" untuk menambat hati kita, hadiah yang mana diharap tidak mempengaruhi jiwa orang kita lalu berserah dengan berkata: "Taukeh itu baik hati" – sebagaimana kebiasaan kita dikampung-kampung terhadap kepada mereka itu adanya.